



**TAJUK KHUTBAH JUMAAT**

**Siri: 28/2023**

**MUHASABAH AKHIR TAHUN**

**14 Julai 2023**

*Bersamaan*

**25 Zulhijjah 1444**

**DIKELUARKAN OLEH:**

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA  
TERENGGANU**

**PERINGATAN:**

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

## KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَهُوَ الَّذِي جَعَلَ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ خِلْفَةً لِّمَنْ أَرَادَ أَنْ يَذَّكَّرَ أَوْ أَرَادَ شُكُورًا ،

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الْهَادِي إِلَى الطَّرِيقِ الْقَوِيمِ ،  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ ،  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ ۗ  
وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ .

### **Muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah bersama-sama di hari Jumaat yang mulia ini, dalam suasana kita beriktikaf di masjid ini, kita terus berusaha sekuat daya dan bertekad untuk melaksanakan segala perintah Allah dan menjauhi segala laranganNya. Hanya ketaqwaan sahajalah yang menjamin kebahagiaan kita di dunia dan di akhirat.

Pada hari Jumaat yang penuh keberkatan ini, khatib menyeru kepada semua agar dapat memberi tumpuan terhadap khutbah yang bertajuk:

### **MUHASABAH AKHIR TAHUN**

## Jemaah yang dirahmati Allah,

Beberapa hari lagi tahun 1444 Hijrah akan meninggalkan kita, manakala tahun 1445 Hijrah akan datang untuk kita bertamu padanya pula. Demikianlah, tempoh setahun yang meninggalkan kita. Ini bererti, semakin hampir kehidupan kita di dunia ini bakal berakhir, siang dan malam silih berganti, umur manusia pula pupus setiap hari, pergi tidak akan kembali.

Tahun 1444 Hijrah akan melambatkan tangannya buat kali terakhir. Apakah ia akan menjadi saksi pembela buat kita atau ia akan menjadi pendakwa di hadapan Allah swt ? Pada suatu hari yang dinyatakan oleh Allah Tuhan Maha Pencipta dalam Surah Abasa ayat 34-37 :

يَوْمَ يَفِرُّ الْمَرْءُ مِنْ أَخِيهِ ۚ (٣٤) وَأُمِّهِ ۚ وَأَبِيهِ ۚ (٣٥) وَصَاحِبَتِهِ ۚ وَبَنِيهِ ۚ (٣٦)  
لِكُلِّ أُمْرٍ مِّنْهُمْ يَوْمَئِذٍ شَأْنٌ يُغْنِيهِ ۚ (٣٧)

**Maksudnya** : Pada hari seseorang itu lari dari saudaranya, ibunya serta bapanya, isterinya serta anak-anaknya, kerana tiap-tiap seorang dari mereka pada hari itu ada perkara-perkara yang cukup untuk menjadikannya sibuk dengan hal dirinya sahaja.

## Saudara Muslimin sekalian,

Pada hari yang mulia ini, saya mengajak saudara sekalian, mengajak semua untuk bermuhasabah tentang pengakhiran kita - bukannya mengenai kerjaya, diri, urusan niaga atau harta - tetapi mengenai nasib diri, apakah bakal ke Syurga atau Neraka? sudah tentunya menerusi bekalan amalan

yang dikumpulkan, sedikit atau lumayan, adakah ia dibina atas landasan yang kukuh, berpaksikan aqidah yang suci bersih daripada anasir syirik dan songsang sementara kita masih diberikan kesempatan untuk menginsafi pemergiaan 1444 Hijrah dan membuat pembaikan bersama ketibaan 1445 Hijrah.

Semua kita bakal berhadapan dengan persoalan tentang amalannya, yang diterima hanyalah usaha yang dilakukan dengan penuh keikhlasan kepada Allah swt, melalui aqidah yang suci dari noda syirik dan mengikut cara yang ditinggalkan oleh Baginda Rasul saw.

### **Jamaah sekelian**

Bulan Muharram 1445 Hijrah yang bakal disambut, merupakan penerusan bulan suci dalam Islam yang datang secara berturutan selama tiga bulan iaitu Zulqaedah, Zuhijjah dan Muharram.

Jadikanlahambutannya sebagai permulaan diari kehidupan kita yang dipenuhi dengan keinsafan diri, bertaubat atas segala dosa yang telah dilakukan, memperbanyakkan istighfar memohon keampunan kehadiran Allah swt dan berdoa supaya kita senantiasa diredaiNya. Hindarilah daripada perlakuan munkar, maksiat dan perbuatan syirik yang membawa kepada kemurkaan Allah swt

### **Muslimin yang dirahmati Allah,**

Jika kita perhatikan bagaimana tahun-tahun bersilih ganti, satu demi satu datang dan pergi, Ketika kita berada di permulaan tahun 1444 Hijrah dahulu , rasanya penghujung tahun itu jauh beribu batu, lama ditunggu, kemudian hari-hari berlalu begitu cepat, sekelip mata atau secepat kilat, tiba-tiba setahun telah tamat. Demikianlah umur kita, dilihat seolah-olah panjang, tetapi diterkam

kematian, Malakul maut datang tanpa undangan. Firman Allah swt dalam surah Qaf ayat 19 :

وَجَاءَتْ سَكْرَةُ الْمَوْتِ بِالْحَقِّ ذَٰلِكَ مَا كُنْتَ مِنْهُ تَحِيدُ ﴿١٩﴾

**Maksudnya** : Dan (apabila sampai ajal seseorang) datanglah "Sakaratulmaut" membawa kebenaran (yang telah dijanjikan, serta dikatakan kepada yang mengingkarinya sebelum itu): "Inilah perkara yang engkau selalu mengelak diri daripadanya.

Mungkin seseorang daripada kita berharap agar dipanjangkan umurnya, maka pelbagai angan-angan dan perancangan diatur, secara mendadak segala angan-angannya kabur, semua perancangannya berterabur, harapan dan cita-citanya semuanya hancur lebur.

Sedangkan umur yang panjang dan baik amalannya, lalu diredhai kehidupannya itulah sebaik-sebaik manusia. Sebagaimana Rasulullah SAW bersabda:

خَيْرُ النَّاسِ مَنْ طَالَ عُمُرُهُ وَحَسُنَ عَمَلُهُ

**Maksudnya:** Sebaik-baik manusia, orang yang panjang umurnya dan baik amalannya.

(Hadis riwayat at-Tirmizi)

Justeru, marilah kita sama-sama menginsafi diri dan bersedia dengan bekalan amal dan kebaikan. Semoga kita termasuk dalam golongan yang bertemu dengan Allah dengan husnul khatimah. Insya Allah.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَأَخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ لَآيَاتٍ لِأُولِي

الْأَلْبَابِ ﴿١٩٠﴾ الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيَمًا وَقَعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ

وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَطْلًا

سُبْحَانَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿١٩١﴾

**Maksudnya** :“Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi serta pertukaran malam dan siang terdapat tanda-tanda (kekuasaan dan kebijaksanaan Allah) bagi orang-orang yang berakal (yang dapat memikir dan memahaminya). (Iaitu) Orang yang mengingati Allah dalam keadaan berdiri, duduk atau berbaring dan mereka memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): Ya Tuhan kami! Tidaklah engkau menciptakan semua ini sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami daripada azab neraka.”

(Surah Ali-Imran ayat 190-191)

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
وَتَقَبَّلَ اللهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ،  
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ،  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ،  
إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Sidang Jumaat yang dikasihi.**

Marilah juga kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ،  
إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنَ السَّيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ  
اشْفِ مَرَضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالطُّفَّ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَائِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ الْمَرْحُومِ  
السُّلْطَانَ مُحَمَّدٍ الْمُكْتَفِي بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورِ  
زَاهِرَةَ، سُلْطَانَةَ تَرَغْكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ،  
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَّ الْعَهْدِ تَعَكُّو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَائِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ  
زَيْنِ الْعَابِدِينَ.

**Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim.**

Perbaikilah hubungan di antara kami dengan penuh kasih sayang. Anugerahkanlah kepada kami kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kepada kami nikmat keamanan, keselamatan dan kesejahteraan yang berterusan. Lindungilah kami daripada segala keburukan dan keaiban. Hindarkanlah kami daripada sebarang bentuk kemungkaran dan kemaksiatan .

**Ya Allah,**

Limpahkanlah dalam kehidupan keluarga kami ketenangan dan kebahagiaan. Semaikanlah semangat muafakat dalam kejiranan dan qaryah kami. Suburkanlah para belia dan remaja kami jiwa yang mantap, iman yang teguh, ilmu yang bermanfaat, akhlak yang mulia, hormat-menghormati dan mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan. Jauhkanlah mereka daripada perkara-perkara yang boleh menjatuhkan maruah diri, keluarga dan negara .

**Ya Allah ,**

Kami pohon kehadiran-Mu agar mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat. Bukakanlah hati kami untuk istiqamah melaksanakan perintah-Mu dengan terbaik terutamanya mendirikan solat fardu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain. Berkatilah hidup golongan yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir miskin serta mereka yang menginfakkan harta untuk pembangunan umat Islam Terengganu dengan ganjaran pahala yang berganda .

Demikian juga Ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya. Terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

**Ya Allah ,**

Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa. Kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kepada kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya di negeri Terengganu, sebagai sebuah negeri yang aman damai, maju lagi diberkati. Bukakanlah pintu-pintu rezeki dari segala penjuru. Jaukanlah negeri kami ini dan negara umat Islam seluruhnya daripada segala malapetaka, musibah dan apa jua kemurkaan-Mu. Amin ,

يا الله، يا أرحم الراحمين

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللهِ!

أذْكُرُوا اللهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ،  
وَلَذِكْرُ اللهِ أَكْبَرُ، وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.  
قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمْكُمْ اللهُ.